

11 JUN 2000

PEMIMPIN NEGARA ISLAM MAHU CONTOHI MALAYSIA, KATA SYED HAMID

KOTA TINGGI, 11 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin negara Islam di Asia Barat meminta Malaysia memainkan peranannya untuk dijadikan contoh bagaimana sebuah negara Islam dapat menghormati soal keagamaan dan masyarakat majmuk seperti yang diamalkan di Malaysia, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini.

Katanya, pandangan itu banyak dikemukakan kepadanya ketika beliau mengadakan lawatan ke negara-negara seperti Arab Saudi, Iran, Iraq dan Jordan baru-baru ini.

Lawatan itu bertujuan meninjau pendapat dan pandangan negara-negara itu terhadap mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur dari 27 hingga 30 Jun ini.

"Lawatan itu mendapat sambutan yang amat baik dan perkara yang paling membanggakan ialah nama dan imej Malaysia yang berada di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed disanjung oleh negara-negara terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) negeri Johor di sini semalam.

Menurut Syed Hamid, negara-negara Islam di Asia Barat juga ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai model dan pelan tindakan tentang bagaimana Malaysia berjaya keluar daripada kemelut ekonomi yang melanda negara ini tidak lama dulu.

-- BERNAMA  
za ram mai